



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 5 /2003
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENYUSUNAN KEDUDUKAN GAMBAR

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri memaklumkan kepada Kementerian-Kementerian, Jabatan-Jabatan Kerajaan, Kedutaan Besar dan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di luar negeri; pertubuhan-pertubuhan dan badan-badan bukan kerajaan, badan dan syarikat perniagaan, dan orang ramai bahawa Gambar Wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha sahaja yang disimpan di bangunan-bangunan Kerajaan, bangunan-bangunan perniagaan, tempat-tempat awam dan rumah-rumah persendirian.

Kedudukan Gambar Wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha adalah separas diantara keduanya. Manakala kedudukan Gambar Wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha adalah disebelah kiri Gambar Wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Surat keliling ini berkuatkuasa mulai 1 Zulhijjah 1423 bersamaan 3 Februari 2003.

[DATO PADUKA HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH]

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman, BA1000
Bandar Seri Begawan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.